

# Hospital Sibu bertuah kerana masyarakat prihatin

⌚ 2020-04-24T00:30:01+08:00



INI GUNANYA: Dr Lee (kanan) menunjukkan cara penggunaan mesin pengimbas Ultra kepada Tzi (dua kiri) serta kakitangannya sambil disaksikan Dr Mohamad (tiga kanan) di Sibu, k in.

SIBU: Keprihatinan ramai masyarakat di sini telah membuatkan Hospital Sibu bertuah, kata Pengarahnya Dr Mohamad Ng Siah Huat ketika menerima sebuah mesin pengimbas Ultra untuk kegunaan Unit Rawatan Rapi (ICU) hasil sumbangan Pansar di sini, kelmarin.

“Ia adalah keprihatinan dan kami sangat bermotivasi melihat bahawa kami tidak keseorangan dalam perjuangan ini terhadap COVID-19 dan menunjukkan rakyat adalah bersama kami juga,” katanya merujuk kepada banyak sumbangan dalam pelbagai cara oleh penduduk tempatan kepada pihak hospital.

Dr Mohamad berkata, sumbangan itu adalah program tanggungjawab sosial korporat (CSR) oleh Pansar yang merupakan satu lagi contoh yang mulia bagaimana organisasi korporat di sini telah memberi respons yang positif kepada keperluan masyarakat.

“Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua orang yang telah membuat sumbangan kepada Hospital Sibu dan saya boleh meyakinkan semua orang, kami tidak akan membiarkan perjuangan kami sia-sia menentang COVID-19. Sila duduk di rumah dan mematuhi nasihat daripada pihak berkuasa yang berkaitan,” katanya.

Hadir untuk menerima sumbangan dari PADA Pansar itu adalah Dr Betty Lee Leh Sieng yang mengetuai Jabatan Anestesiologi Hospital Sibu.

Beliau turut bersyukur bahawa rakan sekerjanya Dr Toh Teck Hock telah berjaya mendapatkan organisasi korporat bagi mendapatkan bantuan kepada mereka.

“Pada masa ini, ICU hanya mempunyai satu unit mesin tersebut. Kami pasti mengalu-alukan penambahan mesin terbaru ini,” katanya sambil memberitahu dengan adanya mesin itu, ia akan banyak membantu petugas barisan hadapan.

Sambil memperbetulkan salah tanggapan umum bahawa mesin itu hanya untuk mengimbas wanita hamil, Dr Lee berkata, peralatan itu sebenarnya mempunyai banyak tujuan lain, termasuk perjuangan menentang COVID-19.

“Sebagai contoh, ia akan membolehkan kita mengimbas organ dalaman pesakit dengan cepat untuk mengesan sama ada terdapat sebarang jangkitan.

“Ia bukan prosedur invasif dan ia memberi doktor pandangan segera,” tegasnya.

Mesin ini akan membolehkan doktor mendapatkan diagnosis yang lebih tepat dan mendorong serta mengesan masalah dalam badan pesakit.

Sementara itu, Pengurus Besar Pansar David Tai berkata, syarikatnya akan memainkan peranan yang kecil dan terus menghulurkan bantuan kepada petugas barisan hadapan.

Sebelum ini, jelasnya, mereka telah menyumbang termometer perubatan inframerah dan cecair pembasmi kuman kepada Hospital Sibu.

Pansar turut menyumbang cecair pembasmi kuman kepada pihak bomba sebelum ini.

⌚ oleh Watt Zacchaeus

Kategori Sarawak